

# SIARAN MEDIA

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **MOU CIDB DENGAN BADAN PROFESIONAL UK BANTU MENINGKATKAN PROFESIONALISME PERSONEL PEMBINAAN DI MALAYSIA**

**LONDON (21 JUN 2022)** – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama *Chartered Institute of Building* (CIOB), di sini pada hari ini. MoU tersebut merupakan sebahagian daripada usaha CIDB bagi mempertingkatkan amalan pengurusan projek dan pengurusan pembinaan di Malaysia.

CIOB merupakan badan profesional terbesar dan berpengaruh di dunia dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pembinaan. CIOB mempunyai Piagam Diraja untuk mempromosikan sains dan amalan pembinaan untuk kebaikan masyarakat sejak tahun 1834. Ahli CIOB bekerja di serata dunia dalam bahagian pembangunan, pemuliharaan dan penambahbaikan alam bina.

Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB, menandatangani MoU ini bagi pihak CIDB, manakala Caroline Gumble, Ketua Pegawai Eksekutif CIOB, menandatangani bagi pihak CIOB. Hadir pada majlis tersebut ialah Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Kerja Raya dan Ir. Yusuf Abd. Wahab, Pengerusi CIDB. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Amy Gough, Pengarah Keahlian CIOB, yang juga menjadi saksi penandatanganan tersebut.

MoU ini menggariskan kerjasama antara CIDB dan CIOB untuk menggalakkan peningkatan pengurusan pembinaan dan pengurusan projek, teknologi pembinaan, dan

kelestarian alam sekitar dalam industri pembinaan. Usaha ini akan dilaksanakan melalui pertukaran maklumat dan penyelidikan di antara kedua-dua pihak.

“MoU ini merupakan satu lagi langkah dalam perkembangan berterusan industri pembinaan Malaysia dan ia selari dengan aspirasi Dasar Pembinaan Negara 2030 (NCP 2030), yang dikemukakan oleh Kementerian Kerja Raya Malaysia untuk menerajui sektor pembinaan Malaysia memasuki era digital”, kata Datuk Arthur Joseph Kurup ketika ucapannya di majlis menandatangani MoU itu.

“Perjanjian ini mengukuhkan lagi sokongan CIOB kepada komuniti professional pembinaan antarabangsa dan memantapkan hubungan kami dengan CIDB Malaysia, di mana kita mempunyai wawasan yang sama, iaitu untuk menjamin masa depan yang lebih baik untuk industri kita. Kami berharap akan dapat terus menjalankan kerjasama untuk berkongsi amalan terbaik daripada budaya masing-masing untuk memacu kecemerlangan dan keprofesionalan alam bina di Malaysia, UK dan di peringkat global”, kata Caroline Gumble.

“MoU yang ditandatangani hari ini, juga bertujuan mewujudkan platform kerjasama melalui pertukaran maklumat dan pengetahuan, selari dengan peranan CIDB dalam membangunkan industri pembinaan Malaysia. Usaha pembangunan modal insan ini bukan sahaja penting di Malaysia dan UK, malah bagi semua golongan profesional pembinaan di seluruh dunia untuk kekal berdaya saing dalam persekitaran yang mencabar” kata Ir. Yusuf Abd. Wahab.

Kerjasama antara CIDB dan CIOB bertujuan untuk meningkatkan profil dan pengiktirafan pengurusan profesional dalam industri pembinaan melalui pengiktirafan yang lebih luas terhadap pensijilan dan pentauliahannya bagi pengurus projek dan pengurus pembinaan di Malaysia. Pengiktirafan ini akan bantu wujudkan tenaga kerja yang tersedia ada untuk masa hadapan.

---

## Mengenai CIDB

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

**Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi:**

### **CIDB Malaysia**

Noryani Ismail      [noryani@cidb.gov.my](mailto:noryani@cidb.gov.my)      019 – 285 6867

Noraini Fadzil      [noraini.fadzil@cidb.gov.my](mailto:noraini.fadzil@cidb.gov.my)      019 – 226 2659

*Dikeluarkan bagi pihak CIDB oleh NagaDDB Tribal*

### **NagaDDB Tribal**

Kek Jay Lyn      [jaylyn.kek@nagaddbtribal.com.my](mailto:jaylyn.kek@nagaddbtribal.com.my)      012 – 305 8773

Amiruddin Azran      [amiruddin.azran@nagaddbtribal.com.my](mailto:amiruddin.azran@nagaddbtribal.com.my)      011 – 1145 2867